

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK DR. EWON EBIN [ RANAU ]**

**TARIKH : 08.11.2016**

**SOALAN :**

**Datuk Dr. Ewon Ebin [ Ranau ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-**

- (a) apakah punca utama yang menyebabkan pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Kemburongoh Ranau terbengkalai; dan
- (b) bilakah ianya dijangka siap sepenuhnya dan mula beroperasi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, salah satu faktor yang telah dikenal pasti menyebabkan projek pembinaan SMK Kemburongoh Ranau mengalami kelewatan ialah kegagalan pihak kontraktor asal menyiapkan projek berdasarkan skop projek dan jadual yang telah ditetapkan.
- (b) Kontraktor asal telah ditamatkan kontrak dan pelantikan kontraktor penyiap sedang dibuat. Kerja-kerja dijangka akan dimulakan semula pada hujung Oktober 2016 dan dijangka siap pada tahun 2019.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR TAN KEE KWONG  
[ WANGSA MAJU ]**

**TARIKH : 8 NOVEMBER 2016 (SELASA)**

**SOALAN : 47**

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah setiap penerbangan komersial di Malaysia mempunyai Marshal Udara yang mengikuti setiap perjalanan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak berhasrat untuk mewajibkan kehadiran Marshal Udara di dalam setiap penerbangan di Malaysia kerana ianya melibatkan kos yang tinggi dan akan melibatkan pindaan ke atas undang-undang sedia ada. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat maklumat berkaitan ancaman terhadap sesuatu penerbangan di dalam Malaysia daripada pihak risikan, penerbangan tersebut akan dibatalkan.